



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A)100-4/10 Jld.4 (104)

Tarikh : 24 JUN 2020

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah
Semua Cawangan Jabatan Bendahari Negeri Sabah

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 6 TAHUN 2020 PELAKSANAAN PEMBAYARAN BAYARAN AM AMAUN RM20,000.00 DAN KE BAWAH BERSERTA RM50,000.00 DAN KE BAWAH DI ENAM (6) CAWANGAN JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

1. LATAR BELAKANG

Pada masa ini enam (6) buah Cawangan Jabatan Bendahari Negeri Sabah (JBNS) diberi had kebenaran untuk membayar baucar am berjumlah RM10,000.00 dan ke bawah, manakala tiga (3) buah Cawangan JBNS lagi telah diberi had kebenaran untuk membayar baucar am berjumlah RM50,000.00 dan ke bawah melalui pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bil.6 /2019 bertarikh 09 Oktober 2019.

2. TUJUAN

2.1 Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan pelaksanaan pembayaran **baucar-baucar bayaran am bagi amaun RM20,000.00 dan ke bawah serta RM50,000.00 dan ke bawah** di enam (6) Cawangan JBNS mengikut kategori A dan B.



2.2 Mengurangkan bilangan baucar yang dihantar ke Seksyen Penyemakan Baucar di Ibu Pejabat JBNS dan mempercepatkan proses pembayaran memandangkan baucar bayaran boleh dibuat di Pejabat JBNS Cawangan yang berdekatan dengan daerah masing-masing.

3. PELAKSANAAN

3.1 Had bayaran semasa dan baharu adalah seperti jadual di bawah:

Kategori	Pejabat Cawangan JBNS	Semasa (RM)	Baharu (RM)
A	Cawangan Sandakan (Sandakan, Kinabatangan, Beluran, Telupid & Paitan)	10,000.00 (dan ke bawah)	50,000.00 (dan ke bawah)
B	a) Cawangan Kudat (Kudat, Bangi & Matunggong) b) Cawangan Lahad Datu (Lahad Datu) c) Cawangan Kota Marudu (Pitas & Kota Marudu) d) Cawangan Kota Belud (Kota Belud) e) Cawangan Ranau (Ranau, Telupid & Tongod)	10,000.00 (dan ke bawah)	20,000.00 (dan ke bawah)

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 6 TAHUN 2020 24 JUN 2020

3.2 Jabatan-jabatan boleh menghantar baucar-baucar ke Cawangan JBNS bermula dari tarikh pelaksanaan kecuali baucar-baucar dari Jabatan Mengakaun Sendiri.

3.3 Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan memastikan baucar-baucar yang dikemukakan adalah teratur serta lengkap bagi mengelakkan teguran dan mempercepatkan proses pembayaran.

4. KUAT KUASA

Pelaksanaan kaedah pembayaran ini berkuat kuasa mulai **01 JULAI 2020**.

5. PENUTUP

Jika mempunyai sebarang kemusykilan mengenai dengan pelaksanaan kaedah pembayaran ini, sila berhubung dengan Ketua Penolong Bendahari (Pengurusan) ditalian terus 088-368 393 / emel : AgHerman.AgTahir@sabah.gov.my atau Akauntan Bahagian Pengurusan, Jabatan Bendahari Negeri Sabah di talian terus 088-368 386 / emel : Celorline.Jaikul@sabah.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”



(HAJI RUSDIN RIMAN CA(M), FCPA(Aust), CPFA (UK), MBA (ECU))

Bendahari Negeri

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 6 TAHUN 2020 24 JUN 2020

sk : Pengarah

Jabatan Kerja Raya

Jalan Sembulan, eti Surat 128

88592 Kota Kinabalu, Sabah

(u.p: Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Akaun)

sk : Pengarah

Jabatan Pertanian

Wisma Pertanian

88632 Kota Kinabalu, Sabah

(u.p: Ketua Akauntan)

sk : Pengarah

Jabatan Tanah Dan Ukur

Wisma Tanah dan Ukur

88576 Kota Kinabalu, Sabah

(u.p: Ketua Akauntan)

sk : Pengarah

Jabatan Perhutanan

Beg Berkunci 88

90009 Sandakan, Sabah

(u.p: Ketua Akauntan)

sk : Setiausaha Tetap

Kementerian Kewangan Negeri Sabah

Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah

88400 Kota Kinabalu, Sabah